

29/08/1999

Penceramah bukan Islam Pas caci Umno

PADANG BESAR: Pemimpin dan ahli Umno negeri marah dan kesal dengan tindakan seorang lelaki bukan Islam yang berucap di pentas politik Pas, menuduh Umno sebagai bukan Islam.

Selain membuat tuduhan itu, lelaki terbabit, Chong Thian Teik, juga memaki hamum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan kata-kata lucu dan kesat.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata beliau memandang serius perbuatan itu sambil mempertikai apakah hak lelaki berkenaan membuat tuduhan sedemikian, terutama berkaitan Islam.

Katanya, beliau dukacita kerana Pas membenarkan orang seperti itu berucap di pentasnya bagi mempersendakan pemimpin negara dan umat Islam, semata-mata demi kepentingan politik.

"Dulu pemimpin Pas menuduh ahli Umno tidak Islam, sekarang mereka membenarkan orang bukan Islam menggunakan pentas politiknya untuk membuat tuduhan sama.

"Kita marah dan kecewa dengan perkembangan terbaru ini kerana siapalah dia (lelaki terbabit) dan apa haknya mencemuh kita sebagai bukan Islam serta mempersenda Dr Mahathir dengan begitu kesat.

"Saya sangat sedih kerana sebuah parti yang mendakwa memperjuangkan Islam sanggup menggunakan orang seperti itu untuk mencerca umat Islam yang lain," katanya semalam.

Pada ceramah politik Pas di Jejawi Dalam, Arau, semalam, Chong yang mengaku dirinya campuran Cina dan Siam juga menuduh pemimpin Umno hanya memperjuangkan kroni, bukan bangsa Melayu.

Sehubungan itu, beliau yang berasal dari Padang Petani, Arau, menggesa orang Melayu menyokong Pas kerana mendakwa hanya parti itu yang benar-benar memperjuangkan Islam.

"Saya bukan beragama Islam tapi sokong Pas, jadi tuan-tuan dan puan-puan mesti sokong Pas kerana Umno tidak Islam," katanya disambut sorakan penyokong Pas.

Ceramah politik itu diadakan selepas solat hajat yang antara lain memohon Allah menghancurkan dan menimbulkan kacau bilau kepada penentang parti itu.

Turut berucap pada majlis itu ialah Timbalan Pesuruhjaya Pas negeri, Aziz Hanafi.

(END)